

**KESAN PENDEKATAN PENYEBATIAN KEMAHIRAN BERFIKIR
KREATIF DALAM PENGAJARAN KARANGAN DESKRIPTIF
DAN KARANGAN IMAGINATIF DALAM KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN IV**

Oleh

SITI ZABIDAH BT MOHAMED

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2006

**KESAN PENDEKATAN PENYEBATIAN KEMAHIRAN
BERFIKIR KREATIF DALAM PENGAJARAN
KARANGAN DESKRIPTIF DAN KARANGAN
IMAGINATIF DALAM KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN IV**

SITI ZABIDAH BT MOHAMED

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2006

PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah (S.W.T) kerana dengan izin, petunjuk dan hidayah-Nya dapat saya menyempurnakan kajian ini walaupun pelbagai rintangan yang menghalang. Halangan tidak mematahkan semangat saya malah lebih mematangkan saya dalam hal penyelidikan. Di kesempatan ini juga, saya ingin menyatakan penghargaan dan menyampaikan ucapan terima kasih kepada individu dan pihak tertentu atas sokongan dan sumbangan ikhlas yang telah mereka hulurkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Penyelia Utama saya, Profesor Madya Dr. Haji Ishak bin Ramly yang tidak jemu-jemu dan banyak memberikan tunjuk ajar serta dorongan dari awal hinggalah tesis ini selesai. Saya juga berterima kasih kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Profesor Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed kerana sokongan dan dorongan yang diberi kepada saya secara langsung mahupun tidak langsung ketika dalam proses penyiapan tesis ini. Keprihatinan yang ditunjukkan telah menguatkan semangat saya untuk berusaha hingga tesis ini berjaya disiapkan.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia, terutamanya staf perpustakaan yang telah memberikan kerjasama dan menghulurkan bantuan kepada saya sepanjang tempoh kajian. Begitu juga dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, saya merakamkan ucapan terima kasih kerana memberi kebenaran, kerjasama dan sokongan untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang disarankan. Saya juga amat menghargai sokongan dan bantuan daripada guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah-sekolah terlibat dengan kajian kerana bersungguh-sungguh melaksanakan pengajaran dan menyempurnakan pelbagai perkara berhubung dengan kajian yang dijalankan.

Untuk keluarga tercinta, khususnya ibu Hj. Mariam Hj. Harun, ayah Hj. Mohamed Ismail, suami Mohd Yaziz Ismail dan anak-anak Eri, Emi dan Ani, saya menyanjung tinggi segala inspirasi, sokongan, pengorbanan dan doa yang dipohon. Kepahitan dan keperitan yang dialami dalam tempoh yang agak panjang meneruja 'keterbiasaan' dengan kesusahan dan kesulitan yang akhirnya redha dan syukur atas segalanya.

Siti Zabidah Mohamed
Universiti Sains Malaysia

JADUAL KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
LAMPIRAN	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	x
MAKSUD SINGKATAN	xiii
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvi
BAB SATU: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	9
1.2 Pernyataan Masalah	13
1.3 Tujuan Kajian	22
1.4 Soalan Kajian	23
1.5 Hipotesis Kajian	26
1.6 Kepentingan Kajian	30
1.7 Definisi Operasi	32
1.7.1 Pendekatan Penyebatian	32
1.7.2 Pendekatan Proses Mengarang	37
1.7.3 Pendekatan Tradisional	38
1.7.4 Lampasan Otak (<i>Brainstorming</i>)	39
1.7.5 Kemahiran Berfikir Kreatif (KBK)	40
1.7.5.1 Kelancaran	42
1.7.5.2 Kelenturan	43
1.7.5.3 Keaslian	43
1.7.5.4 Penghuraian	44
1.7.6 Bilangan Perkataan	45
1.7.7 Karangan Deskriptif	45
1.7.8 Karangan Imajinatif	46
1.8 Batasan Kajian	47
1.9 Penutup	50
BAB DUA: TINJAUAN BACAAN DAN KAJIAN BERKAITAN	
2.0 Pengenalan	51
2.1 Bahasa Melayu dan Bahasa Berfikir	51
2.1.1 Bahasa Melayu	51
2.1.2 Bahasa Berfikir	54

2.2	Kemahiran Berfikir Kreatif (KBK)	57
2.2.1	Model-Model Berfikir	82
2.2.2	Teknik Pengembangan Idea dalam KBK	86
2.2.2.1	Soalan Terancang	86
2.2.2.2	Lampasan Otak (<i>Brainstorming</i>)	87
2.2.2.3	Teknik SCAMPER	88
2.2.2.4	Teknik CRSAAMM	88
2.2.2.5	Pengurusan Grafik Matriks	89
2.2.3	Ujian Kebolehan Mengarang Karangan Kreatif	90
2.3	Hubungan Kreativiti dengan Lokasi, Jantina, SSE serta Sikap Terhadap KBK	92
2.4	Pendekatan Penyebatian Kemahiran Berfikir Kreatif dalam Pengajaran Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif	103
2.4.1	Pendekatan Mengajar Kemahiran Berfikir	104
2.4.1.1	Pendekatan Terpisah (Mengajar Tentang Pemikiran)	105
2.4.1.2	Pendekatan Gabungan (Mengajar untuk Berfikir)	106
2.4.1.3	Pendekatan Penyebatian Sepenuh dan Separa	106
2.4.2	Pendekatan Penyebatian Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran	108
2.4.3	Penilaian KBK Melalui Penulisan Karangan Kreatif	146
2.5	Kajian Tentang Pendekatan Penyebatian Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran Bahasa	150
2.6	Kerangka Teori Kajian	154
2.6.1	Teori-Teori Pemerolehan dan Pengajaran Bahasa	155
2.6.2	Teori Proses Kreatif dan Teori Otak	160
2.6.3	Teori Otak	170
2.6.4	Teori Penulisan Karangan	177
2.6.4.1	Pendekatan Proses	178
2.6.4.2	Pendekatan Produk	182
2.6.4.3	Teori Kecerdasan Linguistik	183
2.7	Penutup	188

BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	189
3.1	Reka Bentuk Kajian	189
3.1.1	Pemboleh Ubah	191
3.1.1.1	Pemboleh Ubah Bebas	191
3.1.1.2	Pemboleh Ubah Bersandar	191
3.1.2	Kerangka Konseptual Kajian	191
3.1.3	Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif yang Diajar di Tingkatan IV	195
3.1.4	Langkah-Langkah Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran	198
3.1.5	Perancangan Kerja Selama Dua Belas Minggu	208
3.2	Lokasi Kajian	209
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	211
3.3.1	Sampel Sekolah	211
3.3.2	Sampel Pelajar	213
3.3.3	Rasional Pemilihan Sampel	214

3.4	Instrumen Kajian	214
3.4.1	Ujian Kebolehan Mengarang	215
3.4.2	Ujian Menenulis Karangan (Praujian dan Pascaujian)	215
3.4.3	Soal Selidik	216
3.4.4	Pemerhatian	217
3.5	Pengumpulan Data	218
3.5.1	Ujian Kebolehan Mengarang	218
3.5.2	Ujian Mengarang dan Pemarkahan Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif	219
3.5.3	Soal Selidik	224
3.5.4	Pemerhatian	225
3.6	Penganalisan Data	225
3.7	Guru Bahasa Melayu	227
3.8	Kawalan Pelbagai Gangguan	227
3.9	Penutup	228

BAB EMPAT: ANALISIS DATA DAN DAPATAN

4.0	Pengenalan	230
4.1	Pencapaian Penulisan Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif Kumpulan PPKBK dan Kumpulan PT Berdasarkan Lokasi, Jantina dan Status Sosio-Ekonomi secara Umum	231
4.2	Pencapaian Penulisan Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif Kumpulan PPKBK dan Kumpulan PT [Soalan Kajian (i)]	233
4.3	Pencapaian Penulisan Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif (Kelancaran, Kelenturan, Keaslian dan Penghuraian) dan Bilangan Perkataan Kumpulan PPKBK dan Kumpulan PT [Soalan Kajian (ii)]	237
4.4	Pencapaian Penulisan Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif (Kelancaran, Kelenturan, Keaslian dan Penghuraian) dan Bilangan Perkataan Kumpulan PPKBK dan Kumpulan PT Berdasarkan Lokasi [Soalan Kajian (iii) hingga (vi)]	239
4.5	Pencapaian Penulisan Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif (Kelancaran, Kelenturan, Keaslian dan Penghuraian) dan Bilangan Perkataan Kumpulan PPKBK dan Kumpulan PT Berdasarkan Jantina [Soalan Kajian (vii) hingga (x)]	251
4.6	Pencapaian Penulisan Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif (Kelancaran, Kelenturan, Keaslian dan Penghuraian) dan Bilangan Perkataan Kumpulan PPKBK dan Kumpulan PT Berdasarkan Status Sosio-Ekonomi [Soalan Kajian (xi) hingga (xiv)]	262
4.7	Korelasi Sikap Pelajar Terhadap KBK dengan Pencapaian Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif (Soalan Kajian (xv))	275
4.8	Analisis Pemerhatian	276
4.9	Rumusan Analisis Data Kajian	277
4.10	Penutup	282

BAB LIMA: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	283
5.1	Kesan Pendekatan Terhadap Pencapaian Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif	284
5.2	Kesan Pendekatan Terhadap Pencapaian Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan	287
5.2.1	Kesan Pendekatan Terhadap Pencapaian Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan Berdasarkan Lokasi	288
5.2.2	Kesan Pendekatan Terhadap Pencapaian Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan Berdasarkan Jantina	289
5.2.3	Kesan Pendekatan Terhadap Pencapaian Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan Berdasarkan SSE	293
5.3	Kesan PPKBK Terhadap Pencapaian Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan	295
5.3.1	Kesan PPKBK Terhadap Pencapaian Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan di Lokasi yang Berbeza	296
5.3.2	Kesan PPKBK Terhadap Pencapaian Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan Berdasarkan Jantina yang Berlainan	298
5.3.3	Kesan PPKBK Terhadap Pencapaian Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan Berdasarkan SSE yang Berbeza	299
5.4	Rumusan Kesan PPKBK Terhadap Penulisan Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif Secara Keseluruhan	300
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	303
5.6	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	309
5.7	Penutup	311
	Bibliografi	313

LAMPIRAN

No. Lampiran	Tajuk Lampiran	Halaman
LAMPIRAN A	Rancangan Mengajar Harian Kumpulan PPKBK	351
LAMPIRAN B	Rancangan Mengajar Harian Kumpulan PT	397
LAMPIRAN C	Analisis Kebolehpercayaan	413
LAMPIRAN D	Markah Praujian dan Pascaujian	415
LAMPIRAN E	Soalan Praujian dan Pascaujian	423
LAMPIRAN F	Borang Pemerhatian	425
LAMPIRAN G	Soal Selidik Sikap Pelajar Terhadap KBK	428
LAMPIRAN H	Ujian Kebolehan Mengarang	436
LAMPIRAN I	Model Karangan Deskriptif dan Karangan Imaginatif	439
LAMPIRAN J	Karangan Pelajar	444
LAMPIRAN K	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	454

SENARAI RAJAH

Nombor Rajah	Tajuk	Halaman
Rajah 1.1	Penyebatian Sepenuh dan Penyebatian Separa	35
Rajah 2.1	Berfikir Kreatif	59
Rajah 2.2	Kemahiran Berfikir Kreatif	60
Rajah 2.3	Model Berfikir Costa dan Lowery (1989)	84
Rajah 2.4	Model PPK	85
Rajah 2.5	Pendekatan Pengajaran Kemahiran Berfikir	105
Rajah 2.6	Model Penyebatian Penuh Kemahiran Berfikir	117
Rajah 2.7	Kerangka Teori Kajian	154
Rajah 2.8	Kerangka Teori Kreatif	161
Rajah 2.9	Proses Kreatif	165
Rajah 2.10	Realiti Semasa	168
Rajah 2.11	Otak Truine	171
Rajah 2.12	<i>Split Brain</i>	175
Rajah 2.13	Proses Kreatif di Bilik Darjah	181
Rajah 3.1	Reka Bentuk Faktorial (2 X 2 X 2 X 2)	190
Rajah 3.2	Kerangka Konseptual Kajian	193
Rajah 3.3	Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV	195
Rajah 3.4	Rancangan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV	196
Rajah 3.5	Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran	198
Rajah 3.6	Perancangan Penyebatian Kemahiran Berfikir	199
Rajah 3.7	Grafik Lampasan Otak	201
Rajah 3.8	Grafik Mencipta Metafora	203
Rajah 3.9	Menaakul Melalui Analogi	i205
Rajah 3.10	Grafik Matriks	206

Nombor Rajah	Tajuk	Halaman
Rajah 3.11	Perancangan Kerja	208
Rajah 3.12	Skema Umum Karangan Kreatif	220
Rajah 3.13	Skema Terperinci Karangan Kreatif	221
Rajah 3.14	Penilaian Kreativiti Pelajar (Karangan Imajinatif)	222
Rajah 3.15	Penilaian Kreativiti Pelajar (Karangan Deskriptif)	223
Rajah 3.16	Analisis Skor	224
Rajah 4.1	Rumusan Analisis Data Kajian	281

SENARAI JADUAL

Nombor Jadual	Tajuk	Halaman
Jadual 3.1	Sampel Pelajar Tingkatan IV Berdasarkan Lokasi dan Jantina	210
Jadual 3.2	Dimensi dalam Soal Selidik Sikap	216
Jadual 4.1	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif Kumpulan PPKBK	232
Jadual 4.2	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif Kumpulan PT	233
Jadual 4.3	Min Praujian dan Min Pascaujian Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif Kumpulan PPKBK dan Kumpulan PT	234
Jadual 4.4	Ujian ANCOVA bagi Karangan Deskriptif	235
Jadual 4.5	Ujian ANCOVA bagi Karangan Imajinatif	236
Jadual 4.6	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan bagi Kumpulan PPKBK dan PT	237
Jadual 4.7	Ujian MANCOVA bagi Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan	238
Jadual 4.8	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan bagi Kumpulan PPKBK dan PT di Bandar	240
Jadual 4.9	Ujian MANCOVA bagi Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dalam Kalangan Pelajar Bandar	241
Jadual 4.10	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan bagi Kumpulan PPKBK dan PT di Luar Bandar	242
Jadual 4.11	Ujian MANCOVA bagi Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dalam Kalangan Pelajar Luar Bandar	244
Jadual 4.12	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan bagi Kumpulan PPKBK di Bandar dan Luar Bandar	245

Nombor Jadual	Tajuk	Halaman
Jadual 4.13	Ujian MANCOVA Bagi Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif antara Pelajar Bandar dengan Luar Bandar yang Mengikuti PPKBK	246
Jadual 4.14	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan bagi Kumpulan PT di Bandar dan Luar Bandar	248
Jadual 4.15	Ujian MANCOVA Bagi Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif antara Pelajar Bandar dengan Luar Bandar yang Mengikuti PT	249
Jadual 4.16	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan Pelajar Lelaki bagi Kumpulan PPKBK dan PT	251
Jadual 4.17	Ujian MANCOVA bagi Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dalam Kalangan Pelajar Lelaki	252
Jadual 4.18	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan Pelajar Perempuan bagi Kumpulan PPKBK dan PT	254
Jadual 4.19	Ujian MANCOVA bagi Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dalam Kalangan Pelajar Perempuan	255
Jadual 4.20	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan Pelajar Lelaki dan Perempuan Kumpulan PPKBK	257
Jadual 4.21	Ujian MANCOVA bagi Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan Yang Mengikuti PPKBK	258
Jadual 4.22	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan Kumpulan PT	259
Jadual 4.23	Ujian MANCOVA bagi Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan yang Mengikuti PT	261
Jadual 4.24	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan Pelajar SSE Tinggi bagi Kumpulan PPKBK dan PT	262

Nombor Jadual	Tajuk	Halaman
Jadual 4.25	Ujian MANCOVA bagi Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dalam Kalangan Pelajar Daripada Keluarga Berstatus sosio-ekonomi Tinggi	264
Jadual 4.26	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan Pelajar Daripada Keluarga SSE Rendah bagi Kumpulan PPKBK dan PT	265
Jadual 4.27	Ujian MANCOVA Bagi Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dalam Kalangan Pelajar Daripada Keluarga Berstatus sosio-ekonomi Tinggi Rendah	267
Jadual 4.28	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan Pelajar SSE Tinggi dan SSE Rendah bagi Kumpulan PPKBK	269
Jadual 4.29	Ujian MANCOVA bagi Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif antara Pelajar SSE Tinggi dengan SSE Rendah yang Mengikuti PPKBK	271
Jadual 4.30	Beza Min Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif dari Aspek Kreatif dan Bilangan Perkataan Pelajar SSE Tinggi dan SSE Rendah bagi Kumpulan PT	272
Jadual 4.31	Ujian MANCOVA Bagi Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif antara Pelajar Daripada Keluarga SSE Tinggi dengan SSE Rendah yang Mengikuti PT	274
Jadual 4.32	Korelasi Antara Min Pencapaian Karangan Deskriptif Dengan Sikap Pelajar Terhadap KBK	275
Jadual 4.33	Korelasi antara Min Pencapaian Karangan Imajinatif dengan Sikap Pelajar Terhadap KBK	276
Jadual 4.34	Bilangan Pelajar yang Aktif dan Tidak Aktif Berinteraksi dalam Kumpulan PPKBK	277

MAKSUD SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
CoRT	<i>Cognitive of Research Trust</i>
CRSAAMM	<i>Combination, Rearrangement, Substitution, Association, Adoption, Magnification and Minification</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GRE	<i>Graduate Record of Examination</i>
HOKa	Hemisfera Otak Kanan
HOKi	Hemisfera Otak Kiri
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
JNP	Jemaah Nazir Persekutuan
KBK	Kemahiran Berfikir Kreatif
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KS	Kakitangan Sumber
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MEVA	<i>Ministry of Education Victoria, Australia</i>
MLSB	Modul Latihan Sekolah Bestari
NAEP	<i>National Assessment of Examination Progress</i>
PG	Pengurusan Grafik
PM	Peta Minda
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPKBK	Pendekatan Penyebatian Kemahiran Berfikir kreatif

MAKSUD SINGKATAN

PT	Pendekatan Tradisional
SAT	<i>Scholastic Aptitude Test</i>
SCAMPER	<i>Substitute, Combine, Adapt, Modify, Put to other uses, Eliminate and Rearrange</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SSE	Status Sosio-Ekonomi
TCWW	<i>Thinking of Creatively With Words</i>

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan pendekatan penyebatan kemahiran berfikir kreatif (PPKBK) berbanding pendekatan tradisional (PT) dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan pelajar Tingkatan IV. Kesan pembelajaran dilihat daripada perbezaan min pencapaian pelajar kumpulan eksperimen berbanding dengan min pencapaian pelajar kumpulan kawalan dalam praujian dan pascaujian dari aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan dalam penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif mengikut lokasi, jantina dan status sosio-ekonomi. Di samping itu, kajian ini ingin mengenal pasti sama ada terdapat atau tidak korelasi antara pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif dengan sikap pelajar terhadap kemahiran berfikir kreatif. Sampel kajian terdiri daripada 272 orang pelajar Tingkatan IV di empat buah sekolah menengah di negeri Kedah dan Pulau Pinang. Sampel kumpulan eksperimen menerima olahan PPKBK, manakala sampel daripada kumpulan kawalan mengikuti PT. Markah pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif yang menitikberatkan aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan dikumpul daripada pencapaian dalam praujian dan pascaujian. Data sikap pelajar terhadap kemahiran berfikir kreatif diperoleh melalui soal selidik menggunakan Skala Likert. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan ujian ANCOVA, MANCOVA dan Korelasi Pearson untuk menjawab hipotesis. Bagi perbandingan antara pendekatan, dapatan kajian menunjukkan PPKBK memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif berbanding dengan PT. Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan PPKBK memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif dari aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan berbanding dengan PT. PPKBK juga memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif dari aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan berdasarkan lokasi, jantina dan status sosio-ekonomi keluarga berbanding dengan PT. Perbandingan dalam kumpulan PPKBK berdasarkan lokasi (bandar dan luar bandar) menunjukkan kesan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan deskriptif dan imaginatif dari aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan. Perbandingan dalam kumpulan PPKBK berdasarkan jantina (lelaki dan perempuan) menunjukkan tidak terdapat kesan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan deskriptif dan imaginatif dari aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan. Perbandingan dalam kumpulan PPKBK berdasarkan status sosio-ekonomi (SSE tinggi dan SSE rendah) menunjukkan tidak terdapat kesan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan deskriptif dan imaginatif dari aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap terhadap kemahiran berfikir kreatif tidak memberi kesan terhadap pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif. Dengan itu guru digalakkan menyebati kemahiran berfikir kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif untuk meningkatkan kemahiran berfikir kreatif dengan memberi penekanan kepada aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) tanpa mengambil kira sama ada pelajar berminat atau sebaliknya.

ABSTRACT

This research aimed at identifying the effect of the infusion of creative thinking skills approach (ICTSA) as compared to the effect of the traditional approach (TA) in the teaching of descriptive and imaginative essays among Form Four students. The impact on learning was examined based on the difference between the achievement test mean score of the experimental group and that of the control group in both the pre-test and post-test, which measured the creative aspects (fluency, flexibility, originality and elaboration) and the number of words used in descriptive and imaginative essays according to location, gender and socio-economic status. Besides that, it hoped to ascertain whether there was any correlation between performance in creative and descriptive essays and the students' attitude towards creative thinking skills. The research sample comprised 272 Form Four students from four secondary schools in Kedah and Penang. The experimental group was treated with ICTSA while the control group, with TA. Achievement scores in descriptive and imaginative essays which emphasized the creative aspect (fluency, flexibility, originality and elaboration) and the numbers of words written were obtained from the performance in both the pre-test and post-test. Data about students' attitude towards creative thinking skills was elicited from questionnaires using the Likert Scale. The data obtained was analysed using ANCOVA, MANCOVA and Pearson's correlation to answer the stated hypotheses. For the comparison between both approaches, the findings of the study indicated that ICTSA produced a significant effect on performance in both descriptive and imaginative essay writing as compared with TA. In addition, the findings also revealed that ICTSA produced a significant impact on the performance in creative aspect (fluency, flexibility, originality and elaboration) and the number of words used, as compared with TA. ICTSA also brought about significant effect in descriptive and imaginative essay writing in the creative aspects (fluency, flexibility, originality and elaboration) and the number of words used based on location, gender and family socio-economic status, as compared with TA. Comparison within the ICTSA group based on location (urban and non-urban) indicated that there was a significant difference in the performance of descriptive and imaginative essay writing in the creative aspect (fluency, flexibility, originality and elaboration). Comparison within the ICTSA group based on gender (boy or girl) indicated that there was no significant difference in the performance of descriptive and imaginative essay writing in the creative aspect (fluency, flexibility, originality and elaboration) and the number of words used. Comparison within the ICTSA group based on socio-economic status (high SES and low SES) indicated that there was no significant difference in the performance of descriptive and imaginative essay writing in the creative aspect (fluency, flexibility, originality and elaboration) and the number of words used. The findings also showed that attitude towards creative thinking skills had no effect on the performance in descriptive and imaginative essay writing. Hence it is recommended that teachers could integrate creative thinking skills in the teaching and learning of descriptive and imaginative essay writing in order to enhance creative thinking skills by placing emphasis on the creative aspects (fluency, flexibility, originality and elaboration) irrespective of whether the students are interested in the skills concerned.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Manusia menggunakan akal untuk berfikir kreatif tentang cara hendak menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Menurut Piaget (1970), ketika bayi lagi manusia telah berfikir tentang cara hendak memenuhi keperluan di peringkat sensori motor. Aktiviti berfikir difahami melalui pemerhatian tingkah laku bayi. Tingkah laku bayi pula bergantung kepada tahap keupayaan dan kematangan kanak-kanak sebagaimana yang dikatakan oleh Lilian dan Virgil (1971) tentang kanak-kanak yang dilahirkan normal mempunyai potensi kreatif tetapi tahap kekreatifan agak berbeza antara satu sama lain. Perbezaan tahap kekreatifan yang ada pada kanak-kanak adalah disebabkan oleh keupayaan mental yang berbeza-beza kerana mewarisi genetik yang berlainan (Sufean Hussin, 1996). Menurut Hassan Langgulung (1997), melalui pemupukan dan latihan membolehkan interaksi unsur genetik dengan unsur-unsur persekitaran. Akhirnya membentuk pelbagai watak, nilai, sikap dan jenis tenaga manusia.

Potensi kreatif boleh dipertingkatkan. Dapatan kajian Torrance (1963) menunjukkan bahawa melalui rangsangan persekitaran membolehkan potensi kreatif berkembang berbanding dengan kanak-kanak terbiar, potensi kreatif kanak-kanak kaku dan beku. Jelas di sini, walaupun potensi kreatif hadir bersama-sama dengan kelahiran, perkembangannya bergantung kepada individu dan persekitaran khususnya melalui pengajaran di bilik darjah secara formal dan akan mengubah 'berfikir biasa' yang menjadi rutin kepada yang baru, asli, banyak dan pelbagai.

Selaras dengan usaha meningkatkan kemahiran berfikir kreatif (KBK) dalam kalangan pelajar, institusi sekolah dipertanggungjawabkan menyediakan peluang

untuk berinteraksi, mengaplikasikan pendekatan-pendekatan dalam proses pendidikan seterusnya menentukan keberkesanan pencapaian matlamat pendidikan. Di samping itu, nilai masyarakat terhadap pendidikan, peruntukan sumber dan infrastruktur, kompetensi, sikap pelajar dan guru, keberkesanan pentadbiran dan pengurusan serta kadar aliran maklumat turut menentukan pencapaian matlamat-matlamat tersebut. Menurut Willen (1994), tujuan utama pendidikan ialah untuk memperkukuhkan daya fikir seseorang ke tahap maksimum supaya daya fikir seseorang itu bersifat inovatif, kreatif dan imaginatif. Dengan mencerakinkan keseluruhan yang berkaitan kemahiran berfikir dalam pengajaran, memudahkan hasrat untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis.

Sejak pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KPM/KBSR, 1983), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KPM/KBSM, 1988) dan pernyataan secara eksplisit Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM/FPK, 1987) yang menekankan aspek-aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani; usaha untuk menyatukan keempat-empat aspek ini bertujuan melahirkan pelajar yang berfikiran kritis, analitis dan kreatif. Jelas di sini, pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan individu yang terdidik dari segi kognitif, afektif dan psikomotor agar matang berfikir, berkemahiran untuk memikul tanggungjawab dan mempunyai komitmen untuk mendukung aspirasi pendidikan negara.

Penekanan kepada perkembangan yang seimbang dan menyeluruh meliputi dimensi instrumental dan dimensi intrinsik. Dimensi instrumental membincangkan perkaitan pendidikan dengan kehidupan individu sebagai ahli masyarakat dan dimensi intrinsik membincangkan perkaitan pendidikan untuk pembangunan dan perkembangan pelajar sebagai manusia. Menurut Wan Zahid Mohd. Nordin (1988), memikirkan tentang tujuan pendidikan adalah sama dengan memikirkan

tentang jenis manusia, jenis ketrampilan, jenis matlamat yang sesuai untuk menjamin kesejahteraan sosial dan kualiti tamadun (bangsa). Menurut Wan Zahid Mohd Nordin lagi, kualiti tamadun bangsa akan dapat digarap dengan lahirnya individu yang mampu menggunakan minda mereka untuk berfikir dengan sebaik-baiknya sebagaimana yang tersurat dalam FPK (KPM/FPK,1987).

Matlamat pendidikan negara ialah untuk memperkembangkan daya intelek dan kerohanian ke peringkat yang maksimum. Perkembangan daya intelek dan kerohanian generasi muda dikira perlu kerana generasi muda merupakan penyumbang tenaga kerja utama negara. Tenaga kerja yang berkualiti merupakan aset negara yang penting. Hakikat ini ditegaskan oleh Ohmae (1987), iaitu mengenai kunci masa depan sesuatu bangsa bergantung kepada sumber manusia dan bukan lagi kepada sumber alam semula jadi sebagaimana berlaku pada zaman dahulu. Kualiti serta bilangan manusia terpelajar dan berkemahiran berfikir merupakan penentu sama ada sesebuah negara itu makmur atau sebaliknya. Kepentingan sumber manusia menurut Harbinson (1973), merupakan asas utama yang bergantung kepada jenis masyarakat yang dibentuk. Akhirnya, hasrat FPK untuk melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berkualiti dari segi pemikiran melalui pendidikan akan menjadi kenyataan melalui usaha yang bersungguh-sungguh para pelaksana pendidikan.

Hasrat KPM/FPK 'diterjemahkan' pula dalam Sukatan Pelajaran dan dihuraikan dalam Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) tentang perkara yang perlu diajar. Pengajaran di bilik darjah disampaikan melalui Bahasa Melayu kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar dan mata pelajaran teras. Bahasa Melayu berperanan sebagai alat komunikasi dan media bagi rakyat Malaysia berhubung antara satu sama lain untuk memahami kehendak, perasaan dan fikiran

orang lain, untuk menyatakan sesuatu, untuk berfikir dan untuk menguasai sesuatu bidang pengetahuan di peringkat yang lebih tinggi. Sebagai bahasa rasmi pendidikan negara, Bahasa Melayu berupaya merentas kurikulum dan boleh diajar kepada semua pelajar yang mengikuti KBSR atau KBSM. Dalam HSP Bahasa Melayu Tingkatan IV (KPM/PPK, 1989:x) diharapkan:

“ ... dapat melahirkan pelajar yang berfikiran kritis dan kreatif sesuai dengan peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama ... memberi tumpuan terhadap ketrampilan berbahasa yang dapat mendidik pelajar agar bertutur, cekap membaca dan dapat menulis dengan kreatif ... untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani ... melahirkan masyarakat Malaysia yang berpengetahuan dan berdaya saing ... berupaya mencapai kesempurnaan diri”.

Kecekapan bahasa dan berbahasa pelajar Tingkatan IV harus dipertingkatkan supaya pelajar boleh berbicara, berpidato, menilai dan mengulas dengan kritis dalam perbincangan, pembacaan dan penulisan. Pelajar juga harus dapat melahirkan idea melalui kemahiran menulis. Bagi mencapai tujuan melahirkan idea, penulisan kreatif yang berbentuk karangan deskriptif dan karangan imaginatif yang panjang minimumnya tiga ratus patah perkataan (KPM/PPK,1989:3) dapat mempercepatkan kemahiran melahirkan idea dan membuat keputusan dalam kalangan pelajar. Kombinasi antara kemahiran berfikir dengan kemahiran menulis karangan akan melahirkan pelajar yang mempunyai kecerdasan linguistik. Gardner (1993b) menyatakan pelajar yang mempunyai kecerdasan linguistik dapat berhujah, berpidato dan berinteraksi dengan berkesan. Saranan Gardner bermula dengan kemahiran lisan kemudian diikuti dengan merakamkan idea dalam bentuk tulisan.

Pelajar Tingkatan IV yang baru mengalami perubahan daripada kebiasaan menjawab soalan objektif perlu lebih peka dengan penulisan karangan selaras

dengan penetapan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM/FPK,1987), iaitu pelajar harus dapat menghasilkan berbagai-bagai jenis penulisan dengan tepat dan jelas tentang ilmu pengetahuan. Pada akhir Tingkatan V, penilaian penulisan pelajar akan menentukan sama ada pelajar layak atau tidak melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi atau menjawat jawatan di sektor awam (Asmah Hj Omar, 1992). Dengan demikian, penulisan karangan yang dianggap sebagai bayangan mental yang diluahkan dalam bentuk tulisan mencerminkan perkara yang difikirkan oleh pelajar.

Penghasilan karangan melibatkan hubungan pemikiran dan peluahan dalam bentuk tulisan. Menurut Mohd. Yusuf Hassan (1994), penulisan karangan adalah hubungan antara keupayaan pelajar berfikir dengan domain kognitif di samping domain afektif dan psikomotor. Abdullah Hassan (1989) berpendapat bahawa penulisan karangan berada di peringkat lima (sintesis) dalam domain kognitif dan domain afektif pula melibatkan kemampuan mengubah suai bentuk karangan menghasilkan karangan asli manakala domain psikomotor melibatkan tingkah laku yang membawa kepada sesuatu kemahiran setelah berlaku penyelarasan otot-otot. Kombinasi ketiga-tiga domain, iaitu kognitif, afektif dan psikomotor membolehkan pelajar menulis karangan. Sokongan suasana bilik darjah yang kondusif akan melahirkan pelajar positif, kreatif dan inovatif. Penghasilan karangan oleh pelajar mempamerkan kemahiran berfikir setelah melalui pendedahan kemahiran berfikir sepanjang tempoh dua tahun (Tingkatan IV dan V).

Bagi merealisasikan penggunaan unsur kemahiran berfikir kreatif (KBK) dalam penulisan karangan, Som Hj. Nor dan Mohd Dahlan Mohd Ramli (1998) menyatakan bahawa kemahiran berfikir telah dinyatakan secara eksplisit dalam kurikulum Bahasa Melayu. Penyebatian kemahiran berfikir bersama isi kandungan

pelajaran adalah untuk mendedahkan proses berfikir kepada pelajar melalui aktiviti, penggunaan alat berfikir dan bahan rangsangan yang digunakan dalam proses pengajaran. Melalui proses pengajaran, diharapkan dapat melahirkan pelajar yang peka kepada persekitaran dan boleh dimanfaatkan melalui penulisan karangan. Penulisan karangan dapat mengembangkan kepekaan pelajar dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi dengan lebih selesa serta menghayati persekitaran serta boleh membuat penilaian sendiri. Seiring dengan keperluan kemahiran berfikir, Bruner (1962) berpendapat bahawa dengan pendedahan kepada dunia sebenar menjadikan pelajar menggunakan KBK dan menghayati persekitarannya agar lancar ketika menggunakan kata-kata, berkebolehan meluahkan idea dan menghuraikan secara asli. Pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah membina asas yang kukuh dalam usaha melahirkan generasi berfikir untuk mempelbagaikan idea, mencipta sesuatu yang praktikal dan berfungsi, seterusnya melahirkan insan sebagaimana yang diacuankan untuk mendokong hasrat FPK.

Dalam proses pengajaran yang berpusatkan guru, pelajar menjadi pasif atau bersifat sehalu. Situasi pengajaran yang kurang menarik dan menjadikan pelajar kurang berminat untuk belajar. Pihak Jemaah Nazir Persekutuan (KPM/JNP,1993) melaporkan pengajaran yang membosankan telah mengaburkan pencapaian objektif pembelajaran dan matlamat pendidikan. Hasrat untuk melahirkan pelajar yang kreatif tidak kesampaian. Menurut Cropley (1992:231):

“seseorang tidak akan menjadi pelukis, penyajak atau pemuzik dengan hanya membaca buku tentang lukisan, sajak atau muzik. Begitu juga dengan mencalit warna ke atas kanvas, membentuk sajak yang tidak teratur atau cetuskan nota muzik, tidak menjadikan seseorang itu artis kecuali dua perkara, iaitu: potensi kreatif dan pendidikan yang menekankan kreativiti”.

Dengan itu, diharapkan dengan melaksanakan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir kreatif (PPKBK) akan mengubah suasana dan menghidupkan situasi pembelajaran. Perlakuan pelajar yang pasif boleh diatasi dengan mengaktifkan interaksi guru dengan pelajar, pelajar dengan pelajar dan penggunaan alat bantu mengajar di samping memberi sedikit kebebasan untuk berfikir kreatif. Penglibatan aktif pelajar meningkatkan KBK dan memudahkan pelajar meluahkan idea.

Penulisan karangan membosankan jika sentiasa mengikut format penulisan yang sama. Menurut Durst (1984) dan Marshall (1984b), setelah pelajar menguasai format penulisan karangan yang bermula dengan ayat tesis, diikuti dengan ayat-ayat menyokong tesis yang berkait dengan idea utama daripada tesis dan penutup (di Malaysia, penulisan karangan fakta mengikut formula 1211, iaitu satu ayat utama, dua ayat huraian, satu ayat menyatakan contoh dan satu ayat penutup) telah membuatkan pelajar menjana bentuk yang tetap. Begitu juga jika berlaku pengulangan penggunaan formula penulisan yang sama mengakibatkan pengajaran mengarang kurang berkesan (Applebee, 1984). Oleh yang demikian, Flower et al. (1990) mencadangkan agar menggunakan pendekatan proses yang menekankan bukan sahaja isi karangan tetapi juga matlamat mengarang, mempertimbangkan kriteria, masalah, dan alternatif-alternatif untuk menangani tugas. Pelajar menjadi lebih reflektif, pemikir strategik, melihat karangan sebagai masalah retorik dan aksi konstruktif. Akhirnya, pelajar memperoleh pengetahuan daripada teks yang dibaca, dan pergi lebih jauh daripada teks serta dapat menghurai, seterusnya akan menghasilkan karangan yang lebih kreatif.

Pendidikan di Malaysia membuka ruang dan memberi peluang kepada semua menerima pendidikan dari tahap rendah hingga ke Institut Pengajian Tinggi.

Dalam pada itu, terdapat juga kelemahan dan kekurangan di sekolah-sekolah tertentu terutama kemudahan prasarana pendidikan, ekonomi keluarga, jantina dan juga sikap yang mungkin turut menyumbang kepada peluasan jurang kekreatifan dan pencapaian pelajar. Pada 8 Oktober 2000 (BH, 9 Okt. 2000), keputusan Ujian Peringkat Sekolah Rendah (UPSR) mendapati kebanyakan sekolah di Lembah Klang mencatat kelulusan yang tinggi di samping menjulang nama sekolah dalam aktiviti-aktiviti menulis esei, pidato, bermain alat-alat muzik dan berlakon. Dengan demikian, kekreatifan pelajar bukanlah bergantung kepada faktor tertentu sahaja malah banyak lagi faktor lain yang mempengaruhi KBK pelajar.

Era teknologi maklumat dan era reka cipta memerlukan individu yang boleh memilih sumber, menilai dan menyesuaikan secara berkesan dalam pelbagai situasi seiring dengan kehendak dan keperluan individu dan masyarakat. Jika pelajar kurang peka kepada perkembangan dan keperluan tersebut, masyarakat akan menjadi pincang. Kepincangan dapat diatasi dengan menyebatkan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Mahathir (1996) berpendapat bahawa keperluan tenaga kerja yang berkualiti, iaitu yang mempunyai daya pemikiran yang tajam, kreatif, kritis dan berdaya cipta amat mendesak. Oleh itu pendidikan dipertanggungjawabkan untuk memenuhi keperluan tersebut. Mohd. Yusuf Hassan (1994) juga turut menyarankan agar pemupukan daya tahan dan pemikiran cemerlang serta tidak bersikap tunggu dan lihat untuk memenuhi dasar pembangunan negara. Pembangunan modal insan memerlukan pemikiran rakyat yang dinamik dan berkualiti terutama dari segi kefahaman dan penerokaan fikiran. Hal ini digambarkan melalui kemunculan fenomena baru dalam pembangunan pemikiran manusia oleh Bono (1970); Buzan (1971); Tofler (1974); Naisbitt (1982); Proctor (1994) dan Ohmae (1987) yang membicarakan tentang pemikiran masa depan atau *futureology*.

1.1 Latar Belakang Kajian

Manusia dilahirkan ke dunia lengkap dengan potensi kreatif. Potensi kreatif yang terbiar tanpa persekitaran yang sesuai akan membenamkan sifat-sifat kreatif yang ada pada diri seseorang. Menurut Torrance dalam Carol dan rakan-rakan (1997), kanak-kanak kreatif yang dibiarkan tanpa bimbingan dan asuhan yang sesuai akan menjadi kanak-kanak yang tidak kreatif. Selain itu, sikap terlalu 'mengikut kebiasaan' dan seragam serta mengikut peraturan yang ditetapkan juga turut membenamkan sifat-sifat kreatif seseorang. Hill (1999) menganggap situasi demikian merupakan satu kerugian yang besar kepada negara. Begitu jugalah dengan pelajar Tingkatan IV, jika sifat-sifat kreatif tidak diambil peduli akhirnya akan terbantut. Pengabaian kepada pemupukan sifat kreatif melahirkan orang yang mudah menyerah, kekal sebagai pengguna, tidak berubah dan menerima seadanya serta sentiasa takut kepada kegagalan.

Sistem pendidikan di Malaysia kurang memberi penekanan kepada KBK. Penumpuan lebih kepada 'untuk lulus periksa'. Penekanan kepada peperiksaan yang berbentuk meluahkan kembali fakta masih bertapak kukuh. Senario demikian perlu diubah selaras dengan keperluan global yang sentiasa mencabar agar generasi muda tidak ketinggalan kerana menurut Hill (1999) pendidikan yang sebenar ialah pendidikan yang menitikberatkan pembangunan dan perkembangan minda; bukan semata-mata mengumpulkan dan mengelaskan ilmu pengetahuan. Oleh itu, KBK diharapkan dapat dikembangkan melalui pendidikan.

Penekanan kepada peperiksaan secara tidak langsung membunuh benih-benih kreatif dalam kalangan pelajar. Pengalaman sebagai guru mempamerkan bahawa guru bertungkus-lumus menghabiskan sukatan pelajaran dan melatih tubi serta mengabaikan KBK direstui oleh ibu bapa. Guru mahukan anak didik mereka

lulus cemerlang begitu juga dengan ibu bapa. Dengan cara memberi penekanan serentak kepada kedua-dua kemahiran berfikir, iaitu kritis dan kreatif, melalui PPKBK dapat mengelak daripada budaya menghafal dan mengelak daripada guru mengajar perkara-perkara fakta (apa). Perubahan ini menjalineratkan antara pengetahuan, sikap dan operasi kognitif serta metakognitif yang akhirnya membuka ruang kepada penjana pelbagai idea dan idea yang asli. Penggunaan otak yang seimbang adalah baik untuk mengoptimumkan perkembangan potensi pelajar.

Pada tahun 1955, Amerika Syarikat agak terkebelakang berbanding Rusia dalam hal penerokaan ke bulan. Laporan kajian *National Assessment of Examination Progress* (NAEP, 1981) turut menyatakan tentang kemalasan berfikir dan tidak kreatifnya pelajar di Amerika Syarikat. Hal ini menyedarkan beberapa pihak di Malaysia tentang kekurangan yang sama dalam sistem pendidikan di Malaysia. Sehubungan itu, dalam seminar yang bertema *Education for All* pada 1990 yang dianjurkan oleh Bank Dunia, UNICEF dan UNESCO dalam Poh Swee Hiang (1995) menyatakan tentang kepentingan kemahiran berfikir dan kemahiran saintifik, selain daripada 3M. Situasi demikian telah mendorong Kementerian Pelajaran dengan inisiatif Bahagian Pendidikan Guru (BPG) mengadaptasikan pengajaran kemahiran berfikir yang dipraktikkan di Amerika Syarikat ke dalam kurikulum pendidikan guru yang bermula pada sesi Julai 1993.

Guru pelatih diberi latihan dan pendedahan pengajaran kemahiran berfikir di bilik darjah terlebih dahulu agar mereka terlatih dalam kemahiran berfikir dan dapat melaksanakan tanggungjawab di bilik darjah dengan yakin dan lancar. Dengan pendedahan itu, diharap guru pelatih akan mempraktikkan ilmu yang diperolehi apabila berada di bilik darjah yang sebenar.

Di samping itu, pelbagai program diusahakan untuk meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan kanak-kanak. Program BAKA (Bacaan Kanak-kanak) oleh Azman Wan Chik (1986), PADI (Peningkatan Daya Intelek) oleh Philips (1992) dan HEKMAT (Hubungan Erat Keluarga Melalui Aktiviti Tulisan) oleh Ishak Ramly (1999) sebagai menyokong kata-kata Dewey dalam Philips (1997) yang KBK dapat dipertingkatkan melalui pendidikan.

Peningkatan kemahiran berfikir melalui pendidikan diharapkan dapat mengubah kecelaruan berfikir yang timbul. Menurut Guilford (1962) KBK bertujuan mengelakkan seseorang daripada melakukan kesilapan dan kesilapan pula menurut Swartz dan Perkins (1990) bukan sahaja dilakukan oleh kanak-kanak malah berlaku juga pada orang dewasa. Selain itu, prioriti kepada KBK juga mengelak seseorang daripada berfikiran sempit.

KBK dieksplisitkan dalam sukatan pelajaran sejak 1991 bagi membolehkan penekanan daripada 'apa' kepada 'bagaimana'. 'Bagaimana' mencambahkan alternatif-alternatif, meneroka dan mengelak seseorang daripada berada dalam zon selesa. PPKBK diharap dapat membantu mempercepatkan peningkatan KBK dalam kalangan pelajar Tingkatan IV melalui penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif yang dibantu dengan pendekatan proses mengarang. Usaha ini juga sebagai langkah memenuhi tuntutan perubahan bentuk soalan peperiksaan yang 60% daripadanya menurut Wan Zahid Mohd Nordin (1994) berfokus kepada kemahiran berfikir bermula pada tahun 2000.

Menurut satu laporan akhbar, negara maju lebih kreatif (Star, September 4 2000). Tanggapan ini berdasarkan laporan paten per 1000 penduduk Negara Jepun 300 paten, Amerika Syarikat 200 paten dan Malaysia hanya 2 paten.

Penduduk Jepun juga menurut Abdullah Hassan (1997) telah bersedia dengan era reka cipta yang diramalkan akan muncul selepas era teknologi maklumat. Daripada perbandingan jumlah paten di atas jelas menunjukkan bahawa pendidikan di Malaysia gagal melahirkan individu kreatif terutama sebagai pereka cipta yang bersifat kreatif dan inovatif. Keadaan ini wujud disebabkan sistem pendidikan yang terlalu berfokus kepada ilmu logik, matematik, sains dan bahasa, iaitu hanya mengaktifkan otak sebelah kiri (HOKi) sahaja.

Selain daripada tidak menunjukkan kekreatifan dalam reka cipta, lokasi antara bandar dengan luar bandar ingin di kenal pasti sama ada terdapat atau tidak jurang kreatif. Ketika mencari sekolah untuk dijadikan sampel, penyelidik mendapati kemudahan pendidikan sekolah di kawasan bandar lebih lengkap berbanding dengan sekolah di kawasan luar bandar. Pelajar di luar bandar kurang berkesempatan menggunakan komputer dan internet kerana bekalan elektrik menggunakan tenaga solar atau bekalan terhad dari jam 6 petang hingga jam 6 pagi. Begitu juga dengan bekalan surat khabar dan lain-lain bahan bacaan lambat tiba. Pelajar lebih bergantung harap kepada guru dan buku teks semata-mata. Jelasnya ruang dan peluang untuk pelajar berfikir kreatif tidak diketahui setakat mana.

Peranan jantina dalam KBK juga tidak diketahui. Di luar negara, terdapat kajian dijalankan dan dapatan menunjukkan budaya menentukan sama ada pelajar lelaki atau perempuan yang lebih kreatif (Yong, 1994). Daripada pengalaman penyelidik berdepan dengan pelajar Tingkatan IV, penulisan karangan kreatif bukan pilihan mereka kerana mereka lebih suka kepada karangan berbentuk fakta.

Status Sosio Ekonomi (SSE) juga kurang mendapat perhatian sejak akhir-akhir ini, lebih-lebih lagi apabila berdepan dengan dunia tanpa sempadan. Walaupun penyelidik sains sosial menganggap kajian tentang hubungan SSE dengan pencapaian agak ketinggalan, perasaan ingin tahu tentang sejauh mana SSE memainkan peranan dalam KBK khususnya dalam penulisan karangan deskriptif dan imaginatif memerlukan satu kajian dijalankan di Malaysia.

Sikap pelajar terhadap kemahiran berfikir juga harus diambil kira. Sudah sekian lama pelajar disuap dengan segala fakta tentang topik-topik yang ada dalam sukatan pelajaran. Pembentukan 'buluh' yang di asuh dari 'rebung' lagi begitu menjadikan pelajar tidak perlu bersusah payah berfikir mencari idea atau menajamkan fikiran. Pembentukan sikap menerima dan rasa cukup dengan apa yang diberi guru telah mengeneipkan KBK yang perlu dipelajari dan dikuasai untuk mencapai tahap mahir.

Secara umum masih kurang jelas tentang usaha untuk meningkatkan KBK kerana hingga kini masyarakat masih menjulang pelajar berjaya memperoleh A1 dalam semua mata pelajaran di semua peringkat peperiksaan. Usaha membuka peluang pendidikan kepada semua sepanjang hayat juga tidak menampakkan penekanan terhadap KBK.

1.2 Pernyataan Masalah

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) telah menyatakan secara eksplisit tentang kemahiran berfikir. Di peringkat latihan perguruan kemahiran berfikir sudah lebih daripada sepuluh tahun berada di dalam kurikulumnya dan di sekolah pun sudah diajar sama ada secara berasingan,

gabungan atau penyebatian tetapi setakat mana kemampuan para pelajar berfikir kreatif tidak diketahui.

Begitu juga dengan PPKBK, sejak dieksplisitkan pada tahun 1991, sejauh manakah pelaksanaan tersebut membantu para guru dalam mengembangkan pemikiran kreatif pelajar dalam penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif? Adakah terdapat perbezaan pencapaian penulisan kedua-dua karangan tersebut?

Reformasi pendidikan dilakukan dengan mengeksplisitkan kemahiran berfikir dan disebatkan dalam pengajaran kerana berfikir adalah satu kemahiran dan bukan kebolehan semula jadi. Menurut Wan Zahid Mohd Nordin (1993), kepintaran akal atau 'intelligent' tidak bererti mempunyai kemahiran berfikir sekiranya pelajar tidak menguasai kemahiran berfikir. Sejajar dengan itu, Raths dan rakan-rakan (1967) menegaskan bahawa matlamat pendidikan ialah untuk melatih pelajar berfikir dan mencapai tahap mahir. Kemahiran dapat dikuasai melalui pengajaran pembelajaran yang tersusun di samping mempunyai keazaman untuk memperbaikinya dan diikuti dengan latihan (Torrance, 1963; Bono, 1978; Philips, 1997). Menurut Fisher (1993) yang memetik pendapat Piaget, setelah berkemahiran berfikir pelajar perlu pula berfikir untuk mencipta sesuatu yang baru. Maksudnya pelajar bukan sahaja belajar apa yang ada di depan mata malah dikehendaki meneroka lebih jauh agar pelajar mendapat maklumat daripada pelbagai sumber. Reformasi pendidikan memerlukan tindak ikut yang hingga kini tidak diketahui sejauh mana KBK berkembang dalam pengajaran dan dikuasai oleh pelajar.

Daripada Laporan Jemaah Nazir Persekutuan (KPM/JNP, 1998) didapati ramai guru yang tidak menyebatkan kemahiran berfikir dalam pengajaran walaupun telah lama dieksplisitkan. Sememangnya guru diberi kebebasan memilih pendekatan mengikut kesesuaian ketika merancang pengajaran tetapi persoalannya mengapakah guru agak keberatan mengaplikasikan PPKBK walaupun mereka mendapat pendedahan kemahiran berfikir ketika di maktab perguruan dan menghadiri Kursus Dalam Perkhidmatan. Pendedahan oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum dan Bahagian Pendidikan Guru tentang PPKBK kepada guru menyeluruh tetapi mengapakah di peringkat pelaksanaan masih menjadi tanda tanya? Oleh itu, kesan PPKBK di Malaysia sehingga hari ini sukar diteloh.

Kekurangan minat pelajar terhadap pembelajaran membawa impak kepada kualiti pencapaian. Menurut Jemaah Nazir Persekutuan (KPM/JNP, 1993), masalah pelajar tidak berminat untuk mengikuti pengajaran di bilik darjah boleh membawa kesan negatif kepada pencapaian pelajar. Pelajar berminat untuk belajar jika pengajaran berbantuan alat pandang dengar, berinteraksi dua hala, berbincang dan meluahkan idea kemudian sama-sama membuat justifikasi (KPM/JNP, 1993). Penglibatan aktif pelajar menggerakkan mereka supaya sentiasa bersedia, peka kepada persekitaran dan meningkatkan sensitiviti. Teknik lampasan otak (sumbang saran) dalam PPKBK yang digunakan dalam pengajaran karangan kreatif menukarkan keadaan yang membosankan kepada situasi pembelajaran yang lebih ceria. Adakah dengan penggunaan alat bantu mengajar membantu dan interaksi dua hala akan meningkatkan KBK?

Karangan pelajar yang diperiksa masih terdapat banyak kelemahan kerana terlalu menekankan produk dan bukannya proses. Laporan prestasi SPM 1991

Bahasa Melayu (KPM/LPM, 1992) khususnya karangan, mempamerkan kedangkalan pelajar membentangkan idea (isi). Kekurangan isi amat ketara dan pelajar juga gagal mengembangkan isi (tidak dihuraikan dengan jelas dan tepat) malah berulang-ulang. Selain itu, pelajar membincangkan isu yang boleh dipertikai perkaitannya dengan kehendak soalan. Sekiranya proses mengarang diutamakan, karangan pelajar akan lebih berkualiti kerana maklumat dan data yang dianalisis serta pengaplikasian KBK memainkan peranan di peringkat pramengarang. Pengajaran karangan yang menekankan hal yang telah dikuasai oleh pelajar juga menyebabkan pengajaran karangan tidak lagi efektif (Durst, 1984; Marshall, 1984b). Oleh itu, berjayakah usaha PPKBK melalui teknik lampasan otak dan pendekatan proses membantu pelajar meningkatkan mutu karangan dan KBK?

Kemahiran berfikir dapat dipertingkatkan dengan menggunakan bahasa berfikir. Provokasi mendorong pelajar supaya berfikir ke arah yang hendak dicapai tetapi realiti yang wujud dalam pengajaran di bilik darjah kurang mencabar. Menurut Siti Zabidah Mohamed (1997) dapatan kajian yang dijalankannya didapati guru mengemukakan soalan tertumpu pada aras pengetahuan dan kefahaman (aras rendah). Pelajar hanya perlu meneliti maklumat dan fakta yang tersurat. Pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia 1994 (KPM/LPM, 1994) juga mengakui yang soalan SPM tertumpu kepada kehendak supaya pelajar memikirkan tentang 'apa' dan bukan tentang 'bagaimana'. Menurut Sian Chin (1988) dan Yong (1990) bahawa pengabaian minda terjadi kerana pelajar menghafal dan mengingati fakta serta konsep yang dipelajari. Situasi pembelajaran demikian bercanggah dengan salah satu prinsip pembelajaran iaitu: "bukan apa yang disampaikan kepada pelajar tetapi sesuatu yang mendorong pelajar melakukan sesuatu ke atas maklumat itu yang menyebabkan pembelajaran" (Markle, 1977). Percanggahan prinsip pembelajaran mungkin dapat dirapatkan dengan pelaksanaan 60% soalan

kemahiran berfikir mulai tahun 2000. Perubahan ini secara tidak langsung mempengaruhi guru menggiatkan lagi aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran berfikir dalam pengajaran (penyebatian) serta menggalakkan perkembangan pemikiran pelajar. Selain itu, kajian Willen (1995) juga mendapati hanya 10% sahaja soalan dari aras tinggi (analisis, sintesis dan penilaian) yang disoal sepanjang sesi pengajaran guru di bilik darjah. Dapatkah soalan terancang serta soalan sisipan yang disediakan memotivasikan pelajar dan meningkatkan KBK?

Hasrat FPK mahukan perkembangan pelajar seimbang dari segi intelektual, rohani, emosi dan jasmani (IREJ). Keseimbangan itu akan tercapai jika di peringkat pelaksanaan dapat menyesuaikan antara hasrat, isi pelajaran dan aktiviti. Menurut Siti Hawa Ahmad (1986); Azizah Abd. Rahman (1987) pendekatan tradisional kurang memenuhi hasrat itu kerana mengabaikan aspek perkembangan individu. Pelajar merasa bosan terutamanya apabila guru mengawal 95% perbincangan di bilik darjah (Marohaini Yusof, 2000) dan pelajar mencari jalan untuk mengelak daripada berdepan dengan pengajaran guru. Pengajaran berpusatkan guru memberi implikasi bahawa pengajaran guru kurang berkesan. Walaupun kesan positif PPKBK masih menjadi tanda tanya, tetapi penglibatan pelajar dan tumpuan kepada pelajar dalam pengajaran mungkin tidak mengecewakan.

Pelaksanaan pendidikan berorientasikan pendedahan fakta sesuatu mata pelajaran bererti pelajar kurang diajar berfikir tentang isi yang dipelajari. Akibatnya, pelajar didapati sangat bergantung kepada guru dan bertingkah laku impulsif, dogmatif dan kurang memberi pendapat (Philips, 1992) sedangkan saranan pelaksanaan KBSM mahukan para pelajar tidak hanya menerima pengetahuan semata-mata tetapi mereka seharusnya dapat menyatakan idea, fikiran, pendapat

dengan jelas, objektif, kreatif dan rasional dalam semua situasi (KPM/PPK, 1992). Pelaksanaan PPKBK cuba memupuk ciri-ciri berdikari dan yakin diri agar sikap terlalu bergantung kepada orang lain dapat disingkirkan.

Lembaga Peperiksaan Malaysia telah menetapkan bahawa Kertas Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia mempunyai dua kertas iaitu Kertas I (karangan) dan Kertas II (rumusan, kefahaman petikan, kefahaman bahasa klasik, kefahaman puisi dan tatabahasa). Sebagai langkah persediaan menghadapi kertas Bahasa Melayu dalam peperiksaan pada tahun 2000, penekanan kepada kemahiran berfikir perlu dipergiatkan kerana menurut Torrance (1963), guru-guru hendaklah menyoal dengan menggunakan soalan-soalan yang menjurus kepada peningkatan kemahiran berfikir (mendalam dan meluas) agar tidak wujud fenomena seperti yang dikatakan oleh Kosinki dalam Giroux (1988) iaitu: pelajar tidak dapat mengungkap kata-kata, tidak berupaya menceritakan kembali apa yang mereka baca dan tidak dapat menyatakan perasaan mereka sendiri ... budaya telah membunuh keprihatinan dan pemikiran individu. Menurut Kosinki lagi, jika pelajar itu tidak dapat berbicara, membayangkan bahawa pelajar itu juga tidak boleh mengarang. Jelas di sini, soalan yang dikemukakan secara lisan atau bertulis membantu mencungkil idea dan menggerakkan pemikiran pelajar ke arah mahir berfikir, di samping membiasakan pelajar mendapatkan maklumat dan data secara teratur sebelum mengarang. Peluahan idea (apa yang difikirkan) menggambarkan pemikiran seseorang (Descartes dalam Phillips, 1997). Pelaksanaan PPKBK dalam pengajaran karangan kreatif adalah usaha mendorong pelajar supaya berfikiran kreatif dan menghasilkan karangan kreatif. Kesan PPKBK dapat dilihat dengan menilai karangan deskriptif dan karangan imaginatif.

Kehadiran kemahiran berfikir penting dalam usaha menangani masalah, membuat keputusan, mengendalikan maklumat dan berkomunikasi (Perkins, 1986). Selain itu, kemahiran berfikir menjadi faktor yang menyumbang kepada kejayaan individu di sekolah dan kehidupan. Dengan alasan tersebut Keefe dan Walberg (1992) menyokong penuh penekanan pengajaran KBK di sekolah. Tambahan pula menurut Cropley (1992), zaman sains dan teknologi melibatkan perkembangan domain kreativiti untuk menentukan masa depan negara. Kreativiti tidak sahaja memberi kesan kepada kehidupan individu dan kualiti kehidupan manusia malah menurut Fryer (1996) kreativiti juga membuka laluan tentang bagaimana berdepan dengan kepantasan perubahan sosial, ekonomi dan perubahan teknologi. Perkembangan kreativiti membawa perbezaan yang signifikan kepada keberkesanan, kekuatan dan kejayaan pelajar. Oleh itu, satu keperluan yang mendesak agar KBK diajar di sekolah secara langsung dan menyeluruh melalui PPKBK.

KBK dalam pengajaran membina asas yang kukuh dalam melahirkan generasi berfikir. Daripada pendidikan yang diterima, pelajar-pelajar mampu mempelbagaikan idea dan mencipta sesuatu yang praktikal dan berfungsi. PPKBK dalam pengajaran karangan kreatif merangsang pelajar supaya sentiasa berfikir. Pelajar dilatih supaya melihat sesuatu dari pelbagai perspektif, mendapatkan idea kreatif untuk mengarang, menyusun dan mempersembahkan dengan gaya yang menarik. Menurut Kainz (1987), kemahiran menulis karangan adalah dibina di atas tapak kebolehan bertutur, bacaan dan kefahaman serta mendengar. Bruner (1966) pula berpendapat dengan memiliki kemahiran berfikir menjadikan karangan kemas, padat, mempunyai koheren dan kohesi. Pembaca faham dan tertarik kerana tidak ketandusan idea dan kekreatifannya mengindahkan lagi karangan tersebut. PPKBK dalam pengajaran karangan kreatif tidak membataskan idea pelajar

kepada skop tertentu, malah pelajar digalakkan meneroka sejauh mungkin. Penerokaan inilah mematangkan pemikiran dan meningkatkan pemikiran kreatif pelajar. Menurut Suhaimi Abd. Talib (1995), keupayaan berfikir merupakan aset penting seseorang pelajar. Pemikiran rutin menggagalkan percambahan idea dan menggugat kewibawaan pelajar.

Penggabungan antara isi kandungan (bahasa - kritis) dengan KBK melibatkan hemisfera otak kanan (kreatif) memantapkan lagi pemikiran dan membolehkan seseorang berhujah serta memberi pendapat dan menyarankan idea yang bernas seterusnya melahirkan pelajar yang berketrampilan. Menurut Dewey dalam Philips (1992), KBK penting bagi membuka minda pelajar memandang jauh ke depan dan berfikir dengan mendalam. Seajar dengan itu, Paulo Freire dalam Giroux (1988) menyatakan PPKBK merupakan langkah untuk mengelak pelajar daripada tergolong dalam budaya senyap yang mengongkong pemikiran dan tindakan. Wilks (1995) dan Fryer (1996) berpendapat bahawa guru memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan KBK dalam kalangan pelajar dengan membuka peluang pemahaman yang bererti kepada pengajaran pembelajaran. Penggunaan keseluruhan otak (HOKa dan HOKi) meningkatkan kualiti berfikir dan membantu pelajar menggunakan bahasa yang baik untuk menghasilkan idea-idea yang bernas, pendapat yang jitu, pandangan yang kritis dan kreatif.

Perbezaan kemudahan infrastruktur di sekolah-sekolah mengikut lokasi membezakan penerokaan dunia kehidupan pelajar-pelajar itu sendiri, misalnya pelajar-pelajar di bandar meneroka maklumat tanpa bersusah payah sedangkan pelajar di luar bandar terpaksa mengalami susah senang sendiri dengan meredah semak samun, berjalan kaki dan sebagainya. Dengan perbezaan pengalaman

yang dimiliki ini, adakah akan mempengaruhi pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif pelajar Tingkatan IV?

Jumlah pelajar perempuan yang melanjutkan pelajaran ke IPT adalah lebih ramai berbanding pelajar lelaki. Di peringkat membuat keputusan bilangan perempuan yang terlibat amat sedikit. Mungkinkah ia berkait dengan KBK? atau adakah ini membayangkan wanita tidak mampu berfikir? atau adakah sebab lain, sedangkan dalam zaman milenium ini, peluang mendapatkan pendidikan tidak membezakan jantina?

Orang yang berkemampuan menghabiskan masa untuk kegiatan riadah, seni, hobi dan berkreatif. Bagi orang yang miskin, masa banyak diisi dengan bekerja untuk mendapatkan sesuap nasi untuk hidup. Tambahan pula pelajar daripada keluarga yang berstatus sosio-ekonomi rendah biasanya dibebani dengan kerja yang menyumbang pendapatan bagi meringankan beban kewangan keluarga. Oleh yang demikian, pelajar ini kurang masa dan ruang untuk menikmati apa yang sepatut mereka nikmati pada usia mereka. Timbul persoalan adakah perbezaan gaya hidup ini membawa perbezaan dalam KBK seterusnya membezakan pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan pelajar Tingkatan IV atau sebaliknya?.

Sikap individu sememangnya sukar untuk diubah melainkan empunya diri yang mahu berubah. Perubahan sikap ini hendaklah lahir dalam diri sendiri barulah mudah dilaksanakan. Adalah diharapkan dengan pendedahan KBK dalam pengajaran dan pembelajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif akan mengubah sikap negatif terhadap KBK kepada sikap yang positif dan dalam jangka panjang akan menguntungkan pelajar itu sendiri.

Pelaksanaan PPKBK dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif diharapkan dapat melahirkan pelajar yang mampu menyatakan idea yang bernas, kreatif dan berupaya berdepan dengan masalah yang rumit yang memerlukan penyelesaian berkesan. Kesan PPKBK dapat dilihat setelah melalui proses kreatif kemudian menilai produk berasaskan kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian. Berjayakah PPKBK mengubah sikap dan melahirkan generasi yang berfikiran kreatif dan berbezakah pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif pelajar mengikut lokasi sekolah, jantina pelajar dan SSE pelajar?

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti kesan pelaksanaan PPKBK dalam pengajaran penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif pelajar Tingkatan IV. Pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif dibandingkan antara dua kumpulan pelajar yang menerima pendedahan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir kreatif (PPKBK) dengan kumpulan pelajar yang mengikuti pendekatan tradisional (PT).

Selain itu, untuk mengenal pasti sama ada PPKBK atau PT memberi kesan kepada pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif khususnya aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan.

Di samping itu, kajian yang dijalankan ini ingin mengenal pasti sama ada PPKBK memberi kesan terhadap pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif pelajar di lokasi yang berbeza (bandar dengan luar bandar),

jantina yang berbeza (lelaki dengan perempuan) dan pelajar daripada keluarga berstatus sosio-ekonomi yang berbeza (SSE tinggi dan SSE rendah).

Kajian ini juga ingin mengenal pasti sama ada terdapat atau tidak hubungan antara sikap pelajar terhadap KBK dengan pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif secara umum.

Kesimpulannya, kesan PPKBK dari aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian, penghuraian) dan bilangan perkataan dalam pengajaran penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif menjadi fokus utama yang ingin dikenal pasti dalam kajian ini. Lokasi, jantina dan SSE juga ingin dipastikan sama ada memainkan peranan dalam pencapaian kreatif dan bilangan perkataan atau sebaliknya.

1.4 Soalan Kajian

Kajian dibuat untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- i) Adakah terdapat perbezaan min pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif antara pelajar yang mengikuti PPKBK dengan pelajar yang mengikuti PT?
- ii) Adakah terdapat perbezaan min pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif dari aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan antara pelajar yang mengikuti PPKBK dengan pelajar yang mengikuti PT?
- iii) Adakah terdapat perbezaan min pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif dari aspek kreatif (kelancaran,

kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan antara pelajar bandar yang mengikuti PPKBK dengan pelajar bandar yang mengikuti PT?

- iv) Adakah terdapat perbezaan min pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif dari aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan antara pelajar luar bandar yang mengikuti PPKBK dengan pelajar luar bandar yang mengikuti PT?
- v) Adakah terdapat perbezaan min pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif dari aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan antara pelajar bandar dengan pelajar luar bandar yang mengikuti PPKBK?
- vi) Adakah terdapat perbezaan min pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif dari aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan antara pelajar bandar dengan pelajar luar bandar yang mengikuti PT?
- vii) Adakah terdapat perbezaan min pencapaian penulisan karangan deskriptif dan karangan imaginatif dari aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) dan bilangan perkataan antara pelajar lelaki yang mengikuti pendedahan PPKBK dengan pelajar lelaki yang mengikuti PT?